

Alumni kongsi 'pekerjaan norma baharu' dalam slot alumni bersama UMS

NST 17.07.2020 2


KOTA KINABALU: Pegawai Perhubungan Perusahaan di Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Asriyah Abdul Hafid (gambar) berkongsi isu berkaitan 'Pekerjaan Norma Baharu Pada Alaf Baharu' dalam Slot Bersama Alumni UMS yang dianjurkan Pusat Kerjaya dan Alumni Universiti Malaysia Sabah (PKAUMS).

Asriyah 41 tahun, menjadi penceramah jemputan dalam siri ke-43 slot tersebut yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook PKAUMS.

Dalam perkongsiannya, alumni Program Hubungan Industri Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan tahun 2001 itu menjelaskan, Pandemik COVID-19 menyaksikan landskap kehidupan masyarakat berubah, dengan majikan dan pekerja sama-sama terkesan.

Justeru itu, katanya norma baharu dalam bidang pekerjaan memerlukan kakitangan mempunyai prinsip diri yang tinggi seperti rajin dan bekerja keras dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

"Kemahiran berkaitan penggunaan teknologi serta perhubungan awam merupakan nilai tambah bagi kakitangan untuk terus kekal da-



lam industri.

"Bagi mereka yang sedang mencari peluang pekerjaan pelbagai kemahiran yang ada merupakan satu nilai tambah selain kelulusan akademik.

"Sesiapa yang agresif mengambil peluang, kreatif dan bersedia dalam pelbagai hal mempunyai peluang yang lebih tinggi dalam pekerjaan," ujar Asyirah.

Pada sesi perkongsian tersebut beliau turut mengajak orang ramai untuk mengunjungi mana-mana 15 pejabat cawangan Jabatan Tenaga Kerja di daerah yang terdekat untuk mendapatkan informasi mengenai kekosongan jawatan yang terdapat di Sabah dan seluruh Malaysia.